

**MALAYSIA**

**DR. 8 TAHUN 2021  
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK  
11 OKTOBER 2021**

**PENYATA  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**Dikemukakan oleh :**

**YANG BERHORMAT  
DATUK AZHAR AZIZAN HARUN  
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
BIL. 2 TAHUN 2021**

Tarikh : 13 September 2021 (Isnin)  
Masa : 12.30 tengah hari  
Tempat : Bilik Jawatankuasa 1  
Blok Utama  
Parlimen Malaysia

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim  
Ahli Parlimen Arau merangkap  
Menteri Wilayah Persekutuan

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman  
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng  
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli  
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin  
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah  
Peraturan Mesyuarat 83(8)

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing  
Ahli Parlimen Bintulu

## **TURUT HADIR**

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar  
Ahli Parlimen Santubong merangkap  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

### **Parlimen Malaysia**

Puan Nor Yahati binti Awang  
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Ir. Tuan Azmi bin Abdul Hamid  
Ketua Jurutera

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

YBhg. Datuk Dr. Murugesu A/L Raju  
Ketua Klinik Parlimen

Puan Rohana binti Mohd Ali  
Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat

Puan Sharifah Rahamah binti Syed Muhammad  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan  
Inovasi

Puan Munirah binti Muhamed Padzil  
Penasihat Undang-Undang I

Puan Jackie Mary Fernandis  
Penasihat Undang-Undang II

## **URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat



Puan Aidahanie binti Baharuddin  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Nurul Nadiha binti Zamani  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

## **MINIT MESYUARAT**

### **1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK PENERUSI**

- 1.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan bagi Dewan Rakyat Bilangan 2 Tahun 2021; dan
- 1.2 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat antara lain adalah untuk membincangkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Hal Ehwal Antarabangsa.

### **2.0 PERBINCANGAN**

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa sebagai satu mekanisme semak dan imbang kepada Kerajaan dan menyumbang kepada penambahbaikan dasar luar negeri;
- 2.2 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa akan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang bagi memastikan penetapan fungsi yang jelas terhadap bidang kuasa bagi Jawatankuasa tersebut;

- 2.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa komposisi ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen perlu lebih seimbang mengikut Peraturan 82 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat; dan
- 2.4 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pemilihan pengerusi bagi sesuatu Jawatankuasa Pilihan Khas perlu berlandaskan Peraturan Mesyuarat 81(2).

### **3.0 SYOR JAWATANKUASA**

- 3.1 Mesyuarat bersetuju bahawa terma rujukan bagi penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.

### **4.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.43 petang.

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
BIL. 3 TAHUN 2021**

Tarikh : 22 September 2021 (Rabu)  
Masa : 1.27 tengah hari  
Tempat : Bilik Jawatankuasa 1  
Blok Utama  
Parlimen Malaysia

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman  
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng  
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli  
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin  
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah  
Peraturan Mesyuarat 83(8)

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim  
Ahli Parlimen Arau merangkap  
Menteri Wilayah Persekutuan

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing  
Ahli Parlimen Bintulu

## **TURUT HADIR**

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar  
Ahli Parlimen Santubong merangkap  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mohamad Razif Haji Abd Mubin  
Timbalan Pengarah Kanan, Sektor Perundingan dan Pembangunan 2  
Bahagian Pembangunan Organisasi

Encik Othman bin Abdullah  
Timbalan Pengarah, Sektor Perundingan dan Pembangunan 1  
Bahagian Pembangunan Organisasi

### **Jabatan Peguam Negara**

Encik Peh Suan Yong  
Timbalan Penggubal Undang-undang Parlimen 1

### **Jabatan Perdana Menteri**

Encik Jazman Azi bin Jamalludin  
Setiausaha Bahagian (Seksyen Hal Ehwal Perlembagaan dan Parlimen)  
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan

## **Kementerian Kewangan**

Yang Berbahagia Dato' Suhara binti Salleh  
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara (Perkhidmatan Am), Pejabat  
Belanjawan Negara

Puan Samalaa a/p Perumal  
Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Belanjawan Negara

## **Parlimen Malaysia**

Puan Nor Yahati binti Awang  
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Puan Rohana binti Mohd Ali  
Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat

Puan Farah Nurdiana binti Azhar  
Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen

Puan Munirah binti Muhamed Padzil  
Penasihat Undang-Undang I

Puan Jackie Mary Fernandis  
Penasihat Undang-Undang II

## **URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli  
Juruaudit, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Aidahanie binti Baharuddin  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Nurul Nadiha binti Zamani  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat



## **MINIT MESYUARAT**

### **1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK PENERUSI**

- 1.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Bilangan 3 Tahun 2021; dan
- 1.2 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat antara lain adalah untuk membincangkan mengenai Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Hal Ehwal Antarabangsa.

### **2.0 PERBINCANGAN**

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa mesyuarat Jawatankuasa Dewan pada 13 September 2021 telah bersetuju dengan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa;
- 2.2 Mesyuarat juga mengambil maklum TOR Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa yang menjelaskan fungsi dan peranan jawatankuasa tersebut seperti berikut:
  - (i) meneliti Rang Undang-undang di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya;
  - (ii) menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya; dan
  - (iii) meneliti cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya,

yang diserahkan oleh Majlis atau Menteri kepada Jawatankuasa;

- 2.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa komposisi ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akan dikaji untuk memastikan komposisi yang seimbang mengikut Peraturan 82 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat;
- 2.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pemilihan Pengerusi bagi Jawatankuasa Pilihan Khas akan ditentukan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 81(2); dan
- 2.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Ahli-ahli Mesyuarat perlu mengemukakan surat kepada Pengerusi sekiranya terdapat keperluan menambah bilangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

### **3.0 SYOR JAWATANKUASA**

- 3.1 Mesyuarat bersetuju mengesahkan TOR Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa seperti di perenggan 2.2 di atas. Pindaan TOR yang dikemaskini akan diedarkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat untuk pengesahan selanjutnya;
- 3.2 Mesyuarat bersetuju agar terma rujukan bagi Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa hendaklah mengandungi perkara seperti berikut:
  - (i) Tujuan penubuhan;
  - (ii) Keanggotaan – 7 orang ahli termasuk Pengerusi; dan
  - (iii) Tempoh pelantikan selama dua (2) tahun atau dua (2) penggal.

3.3 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa perbincangan akan diadakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung permohonan penambahan pegawai dan kakitangan yang sejajar dengan jangkaan bebanan tugas berikutan penambahan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen; dan

3.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa satu Nota Jemaah Menteri mengenai perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa ini hendaklah dibawa untuk makluman Jemaah Menteri sebelum Penyata Jawatankuasa Dewan dibentang dan dipersetujukan oleh Majlis.

#### **4.0 HAL-HAL LAIN**

4.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan terhadap pemberian elaun dan kemudahan kepada Ketua Pembangkang akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu.

#### **5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada satu tarikh yang akan ditetapkan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.12 petang.

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
BIL. 4 TAHUN 2021**

Tarikh : 7 Oktober 2021 (Khamis)  
Masa : 1.56 tengah hari  
Tempat : Bilik Jawatankuasa 1  
Blok Utama  
Parlimen Malaysia

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman  
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng  
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli  
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin  
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah  
Peraturan Mesyuarat 83(8)

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar  
Ahli Parlimen Santubong merangkap  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)



Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim  
Ahli Parlimen Arau merangkap  
Menteri Wilayah Persekutuan

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing  
Ahli Parlimen Bintulu

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli  
Juruaudit, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Aidhanie binti Baharuddin  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Nurul Nadiha binti Zamani  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

## **MINIT MESYUARAT**

### **1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK PENERUSI**

- 1.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan bagi Dewan Rakyat Bilangan 4 Tahun 2021; dan
- 1.2 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan komposisi ahli dalam Jawatankuasa Pilihan Khas dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa.

### **2.0 DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT DIEDARKAN SEMASA MESYUARAT:**

- 2.1 Terma Rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa **(Lampiran A)**.

### **3.0 PERBINCANGAN**

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum akan perubahan komposisi ahli dalam semua Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu daripada tujuh (7) ahli kepada sembilan (9) ahli iaitu lima (5) ahli Parlimen Kerajaan dan empat (4) ahli Parlimen Pembangkang;
- 3.2 Jawatankuasa Pemilih akan menentukan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang akan mengisi kekosongan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan;
- 3.3 Mesyuarat mengambil maklum dengan pindaan TOR Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa seperti di **Lampiran A**;

- 3.4 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan pemakaian batik Malaysia oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat ketika menghadiri sidang Dewan Rakyat pada setiap hari Khamis. Ini adalah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat melalui surat bertarikh 4 Oktober 2021;
- 3.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pemakaian baju batik Malaysia berlengan panjang adalah tidak mandatori dan dipakai secara sukarela; dan
- 3.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan pemakaian baju batik Malaysia berlengan panjang di bawah Peraturan 41 (f) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.


#### **4.0 SYOR JAWATANKUASA**

- 4.1 Mesyuarat bersetuju perubahan komposisi ahli dalam semua Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu daripada tujuh (7) ahli kepada sembilan (9) ahli iaitu lima (5) ahli Parlimen Kerajaan dan empat (4) ahli Parlimen Pembangkang;
- 4.2 Mesyuarat bersetuju mengesahkan TOR Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa seperti di **Lampiran A**; dan
- 4.3 Mesyuarat bersetuju dengan pemakaian pakaian baju batik Malaysia berlengan panjang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat ketika menghadiri sidang Dewan Rakyat pada setiap hari Khamis.

## 5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada satu tarikh yang akan ditetapkan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.06 petang.



.....  
**YANG BERHORMAT DATUK AZHAR AZIZAN HARUN,**  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT /  
PENGERUSI JAWATANKUASA DEWAN



**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL ANTARABANGSA**

**JAWATANKUASA DAN TERMA RUJUKAN**

**1.1 Keanggotaan**

Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat termasuk seorang Pengerusi.

**1.2 Tempoh**

Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa adalah selama dua (2) tahun iaitu dua (2) penggal. Tempoh ini adalah berkuat kuasa mulai pada tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat.

**1.3 Terma Rujukan**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk –

- (i) meneliti Rang Undang-Undang di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya;
- (ii) menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya; dan
- (iii) meneliti cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya,

yang diserahkan oleh Majlis atau Menteri kepada Jawatankuasa.

#### **1.4 Kuasa Memanggil**

**Peraturan Mesyuarat 83(2)** memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di hadapannya dari satu masa ke satu masa bagi maksud penelitian dan kajian terhadap suatu Rang Undang-Undang itu dan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal antarabangsa di bawah Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi di bawahnya.

#### **1.5 Penyata Jawatankuasa**

**Peraturan Mesyuarat 86** menetapkan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut untuk menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujukan atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut.

